

How to cite this article:

Abdul Rahman, M., & Abdul Aziz, F. S. (2018). Peranan komitmen keselamatan terhadap hubungan antara amalan pengurusan keselamatan pengetahuan keselamatan dengan inisiatif keselamatan. *International Journal of Management Studies*, 25(2), 111-126.

## **PERANAN KOMITMEN KESELAMATAN TERHADAP HUBUNGAN ANTARA AMALAN PENGURUSAN KESELAMATAN PENGETAHUAN KESELAMATAN DENGAN INISIATIF KESELAMATAN**

## **THE ROLE OF SAFETY COMMITMENT IN THE RELATIONSHIP BETWEEN SAFETY MANAGEMENT PRACTICE, SAFETY KNOWLEDGE AND SAFETY INITIATIVES**

**MAZLIAH BINTI ABDUL RAHMAN  
FADZLI SHAH BIN ABDUL AZIZ**

*Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan  
Universiti Utara Malaysia*

### **Abstrak**

Komitmen keselamatan dan prestasi keselamatan telah banyak dibincangkan dalam kajian lepas. Komitmen keselamatan dan gelagat keselamatan dapat mempengaruhi tata amalan keselamatan di tempat kerja. Kajian ini dijalankan untuk menilai peranan komitmen keselamatan pesawah bagi meningkatkan amalan keselamatan agar sentiasa bertindak dengan selamat dan sihat semasa bekerja. Kajian ini melibatkan 745 pesawah yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian di Semenanjung Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik secara panduan (guided questionnaire) dan dapatan menunjukkan semua hipotesis mempunyai hubungan yang signifikan terhadap inisiatif keselamatan. Komitmen keselamatan mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan inisiatif keselamatan berbanding amalan pengurusan keselamatan. Manakala, peranan komitmen sebagai pengantara terhadap hubungan antara amalan pengurusan keselamatan dengan inisiatif keselamatan juga turut memberikan kesan yang signifikan. Oleh itu, komitmen keselamatan

*pesawah perlu dikenalpasti sebelum merancang program keselamatan yang bersesuaian dengan keperluan pesawah supaya dapat mendorong mereka untuk meningkatkan sikap dan tindakan proaktif terhadap keselamatan.*

**Kata kunci:** *Pesawah padi, Komitmen keselamatan, Amalan pengurusan keselamatan, Pengetahuan keselamatan, Inisiatif keselamatan.*

**Received:** 1/10/2018    **Revised:** 31/3/2019    **Accepted:** 20/08/2019    **Published:** 15/12/2019

### ***Abstract***

*Safety commitment and safety performance have been widely discussed in previous studies. These elements had been found related to safety management practices at the workplace. This study was conducted to assess the paddy farmers safety commitments for improving safety practices and always performing the job safety and are healthy. This study involved 745 registered farmers with the Department of Agriculture in Peninsular Malaysia. The study applied the guided questionnaire and the result has shown all hypotheses had significant relationship towards safety initiatives. It was proven that safety commitment has stronger relationship with safety initiatives over safety management practices. Whereas as mediator, the safety commitment also has significant impact between safety management practices and safety initiatives. Therefore, the safety commitment among farmers should be identified before designing a suitable safety program to encourage them to improve their attitude and proactive measures towards safety.*

**Keywords:** *Farmers, Safety commitment, Safety management practise, Safety knowledge, Safety initiatives.*

### ***Pengenalan***

Peningkatan dalam kemajuan teknologi pertanian boleh mendorong kepada kemalangan sekiranya aspek kemalangan tidak diberi penekanan yang sewajarnya. Khususnya, kerja-kerja seperti membaja, meracun dan aktiviti penyelengaraan yang melibatkan penggunaan mesin dan bahan kimia pertanian (Wibowo & Sani, 2016). Laporan Statistik Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan menunjukkan dalam tempoh 10 tahun iaitu dari tahun 2005 hingga 2014 sebanyak 316 kes telah dilaporkan di mana 9 kes kematian, 12 kes hilang upaya

kekal dan 295 kes tidak hilang upaya kekal (JKKP, 2014). Namun begitu, banyak kes-kes kemalangan kecil dan kesan-kesan jangka pendek tidak dilapor dan direkodkan kerana tidak termaktub dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang membolehkan mereka membuat tuntutan dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Al-Rujoub, 2018). Ini kerana petani-petani perseorangan tidak dilindungi oleh Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan tidak diwajibkan untuk mencarum dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial.


Beberapa pengkaji sebelum ini mendapati punca kemalangan berlaku adalah disebabkan oleh kurang kesedaran dan pemahaman terhadap langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil (Abd Aziz, 2014). Yassin et. al. (2015), turut menyatakan bahawa kurang pengetahuan teknikal mengenai tahap ketoksidan racun perosak dan amalan pengurusan keselamatan yang perlu diambil bagi melindungi diri mereka daripada pendedahan racun mahkluk perosak adalah punca terjadinya kemalangan di sektor pertanian. Pengetahuan berperanan penting dalam meningkatkan tingkah laku dan amalan ke arah peningkatan prestasi keselamatan di tempat kerja (Klingbeil et. al., 2015).

Begitu juga komitmen keselamatan berupaya membentuk inisiatif keselamatan bagi meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (Dahl & Kongsvik, 2018). Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk melihat peranan komitmen keselamatan sebagai pengantara dalam hubungan amalan pengurusan keselamatan, pengetahuan keselamatan dengan inisiatif keselamatan dalam kalangan pesawahan padi.

### **Kerangka Konseptual Kajian**

Dalam usaha memperoleh maklumat secara empirikal untuk menjelaskan peranan komitmen keselamatan terhadap hubungan amalan pengurusan keselamatan, pengetahuan keselamatan dengan inisiatif keselamatan, teori gelagat terancang (*Theory Planned Behavior*) telah digunakan. Teori ini menerangkan tindakan sesuatu tingkah laku adalah bergantung kepada sikap, subjektif norm, kawalan tingkah laku ditanggap, dan niat (Ajzen & Fishbein, 2001). Niat melakukan sesuatu tindakan melalui model TPB dipengaruhi oleh tiga faktor iaitu: (i) sikap (ii) norma subjektif dan (iii) kawalan tingkah


laku di tanggap (Ajzen & Madden, 1986). Menurut Icek Ajzen (2001) setiap penentu niat adalah fungsi kepercayaan kepentingan seseorang terhadap sesuatu. Faktor bagi menentukan sikap dikenali sebagai kepercayaan tingkah laku, manakala normatif akan menentukan norma subjektif dan kepercayaan kawalan pula akan menjadi penentu kepada kawalan tingkah laku ditanggap. Rajah 1.1 menunjukkan model TPB.



Menurut White et. al. (2008), TPB adalah teori yang komprehensif untuk memberikan penerangan mengenai tingkah laku selamat. Sehubungan itu, TPB adalah bersesuaian untuk meramalkan tingkah laku selamat (inisiatif keselamatan) di mana pemboleh ubah bebas dalam kajian ini dirujuk sebagai amalan pengurusan keselamatan yang mengandungi konstruk sikap dan norma. Manakala, pengetahuan keselamatan pula dirujuk sebagai kawalan tingkah laku ditanggap. Seterusnya, komitmen keselamatan pula merupakan pemboleh ubah pengantara (*mediator*) yang mewakili faktor niat seperti di Rajah 1.2.

Menerusi TPB, sikap berperanan mempengaruhi niat. Dalam kajian ini, amalan pengurusan keselamatan yang meliputi komunikasi dan maklum balas, penglibatan pekerja, pematuhan peraturan dan prosedur dan norma subjektif dapat membentuk niat yang positif dan seterusnya mendorong mereka untuk mengamalkan keselamatan pekerjaan yang baik. Faktor sosial atau norma subjektif ini merujuk kepada tanggapan seseorang terhadap persetujuan individu atau kumpulan tertentu bagi perlakuan sesuatu tingkah laku (Ajzen,

1991). Sehubungan itu dapat menilai sejauh mana individu tersebut terdorong untuk pandangan individu atau kumpulan sosial terbabit. Norma subjektif pula adalah kepercayaan seseorang yang dipengaruhi oleh masyarakat sekelilingnya. Ajzen dan Fishbein (2001) melihat bahawa norma subjektif adalah satu fungsi kepercayaan seseorang terhadap pengaruh sosial atau kumpulan rujukan. Kepercayaan berdasarkan norma subjektif ini dikenali sebagai kepercayaan normatif. Kepercayaan ini dibuat bagi menilai sama ada kumpulan sosial ini melakukan atau tidak melakukan tingkah laku tersebut.



Kawalan tingkah laku ditanggap merujuk kepada darjah kawalan yang diamati seseorang ke atas kemahiran atau kemampuan sumber dan peluang yang dimilikinya untuk melaksanakan sesuatu tingkah laku (Ajzen, 1991). Peranan kawalan tingkah laku ditanggap merupakan kekuatan utama dalam menentukan perubahan tingkah laku seseorang individu. Oleh itu, dalam kajian ini boleh ubah pengetahuan keselamatan merupakan kawalan tingkah laku ditanggap. Menurut Christian et. al. (2009), pengetahuan keselamatan mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi tingkah laku selamat. Sehubungan itu, aspek pengetahuan dilihat sebagai faktor yang berupaya mencetuskan perubahan terhadap pematuhan peraturan keselamatan dalam sebuah organisasi. Dalam nada yang sama, Guo et. al. (2016) turut menyatakan pandangan bahawa pengetahuan keselamatan mempunyai hubungan yang positif dengan penglibatan keselamatan serta mendapat sokongan sosial dalam mempengaruhi tingkah laku selamat. Dengan demikian, pengetahuan keselamatan

yang dimiliki oleh pekerja bakal mewujudkan persekitaran pekerjaan yang selamat serta dapat memupuk tingkah laku selamat dalam diri mereka.

Niat merupakan kesanggupan dan motivasi seseorang individu untuk bertindak. Ia merupakan faktor penentu bagi pembentukan tingkah laku seseorang individu (Ajzen, 1991). Tambahan pula sesuatu niat itu lahir dari naluri hati kecil seseorang individu untuk melaksanakan sebarang tugas dengan ikhlas dan jujur (Zainol Bidin & Kamil Md. Idris, 2009). Namun begitu, seandainya niat tidak di ukur maka perubahan tingkah laku tidak dapat dinilai secara empirikal. Justeru, dalam kajian ini komitmen akan dinilai sebagai niat bagi memastikan persepsi tingkah laku selamat dalam kalangan pesawah dapat diterjemahkan dengan baik. Oleh itu, kajian ini akan menguji pengaruh hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah bagi melihat tingkah laku selamat (inisiatif keselamatan).

Berdasarkan rangka kerja konseptual dalam Rajah 1.2, hipotesis-hipotesis yang diuji adalah seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1

*Hipotesis Kajian*

Hipotesis	Penyataan
H1	Terdapat hubungan yang positif antara amalan pengurusan keselamatan dengan inisiatif keselamatan.
H2	Terdapat hubungan yang positif antara komitmen keselamatan dengan inisiatif keselamatan.
H3	Terdapat hubungan yang positif antara pengetahuan keselamatan dengan inisiatif keselamatan.
H4	Terdapat hubungan yang positif antara amalan pengurusan keselamatan dengan komitmen keselamatan.
H5	Terdapat hubungan yang positif antara pengetahuan keselamatan dengan komitmen keselamatan.
H6	Peranan komitmen keelamatan antara hubungan amalan pengurusan keselamatan dengan inisiatif keselamatan.
H7	Peranan komitmen keselamatan antara hubungan pengetahuan keselamatan dengan inisiatif keselamatan.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui instrumen soal selidik. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah pesawah yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian. Senarai bilangan pesawah telah diperoleh daripada Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur, Jabatan Pertanian, Putrajaya. Bilangan keseluruhan pesawah di Semenanjung Malaysia adalah seramai 125,090 orang (Jabatan Pertanian, 2015). Kaedah pensampelan yang digunakan adalah kaedah pensampelan kebarangkalian iaitu menggunakan teknik pensampelan rawak berstrata tidak berkadar (*disproportionate stratified random sampling*). Penentuan saiz sampel telah dilakukan menggunakan *probability proportional to size* (PPS) iaitu dengan formula Krejcie & Morgan (1970) bagi memilih bilangan sampel secara sistematik (Cochran, 1977). Oleh itu, saiz sampel yang minimum yang diperlukan adalah seramai 382 orang berdasarkan bilangan pesawah seramai 125,090 orang.

Soal selidik dalam kajian ini menggunakan item yang telah digunakan oleh penyelidik-penyalidik terdahulu iaitu Abd Aziz (2008) bagi pemboleh ubah komitmen keselamatan iaitu sebanyak 21 item, pengetahuan keselamatan (6 item) daripada Neal et. al. (2000) dan amalan pengurusan keselamatan (35 item) daripada Vinodkumar & Bhasi (2010). Manakala bagi pemboleh ubah inisiatif keselamatan, item-item yang digunakan oleh pengkaji terdahulu telah dikumpul seperti Hoffmann et. al. (2003), Turner dan Parker (2000), Marchard et. al. (1998) dan Boerner dan Dutschake (2008). Daripada jumlah 46 item tersebut, sebanyak 32 item telah disenarai pendek agar bersesuaian dengan matlamat kajian dan responden yang terlibat. Namun begitu, dari 32 item tersebut sebanyak 17 item sahaja telah diterima setelah disemak dan melalui proses kesahan kandungan oleh lima orang pakar dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan Pendapat dan cadangan daripada pakar-pakar tersebut telah diambil kira dengan melakukan tindakan pembetulan dan penambahbaikan terhadap gaya bahasa, struktur ayat dan pertindihan item yang digunakan. Skala Likert dengan 5 point dipilih bagi menggambarkan tingkah laku keselamatan dan pengalaman pesawah dengan jelas.

## Hasil dan Perbincangan Kajian

Sebanyak 745 borang soal selidik yang lengkap diisi telah diterima dan dianalisis. Jadual 2 di bawah, menunjukkan kaum lelaki

memonopoli bilangan responden dengan peratusan sebanyak 90.9% iaitu seramai 677 responden. Seterusnya, majoriti adalah berbangsa Melayu iaitu seramai 668 (89.7%) responden dan berumur melebihi 50 tahun adalah seramai 337(45.0%) responden. Dalam kajian ini, 473 (63.5%) responden terdiri daripada lepasan SRP/SPM/STPM, bekerja tetap seramai 524 (70.3%) responden dan mempunyai pengalaman kerja melebihi 20 tahun seramai 315 (42.3%) responden.

## Jadual 2

*Profil Demografi Responden (n=745)*

Parameter		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki Perempuan	677 68	90.9 9.1
Bangsa	Melayu	668	89.7
	Cina	62	8.3
	India	9	1.2
	Lain-lain	6	0.8
Umur	18-25 tahun	31	4.2
	26-33	60	8.1
	34-41	138	18.5
	42-49	179	24.0
	50 dan ke atas	337	45.0
Pencapaian Akademik	Sijil Sekolah Rendah	176	23.6
	SRP / SPM / STPM	473	63.5
	Diploma atau setaraf dengannya	77	10.3
	Ijazah atau setaraf dengannya	18	2.4
	Ijazah Sarjana atau lebih tinggi	1	1.0
Status pekerjaan	Tetap	524	70.3
	Separuh masa	221	29.7
Pengalaman kerja	0-5 tahun	74	9.9
	6-10 tahun	124	16.6
	11-15 tahun	127	17.0
	16-20 tahun	105	14.1
	20 tahun atau lebih	315	42.3

Merujuk Jadual 3, analisis kebolehpercayaan bagi semua item dalam soal selidik yang digunakan bagi kajian ini telah memperlihatkan nilai kebolehpercayaan iaitu nilai *Cronbach's Alpha* melebihi 0.70. Instrumen inisiatif keselamatan dan amalan pengurusan keselamatan merupakan instrumen yang telah diubahsuai. Namun begitu, instrumen komitmen keselamatan dan pengetahuan telah diuji oleh Salleh (2010) dan Vinodkumar dan Bhasi (2010) sebelum ini. Nilai kebolehpercayaan yang diperoleh adalah 0.853 (komitmen keselamatan) dan 0.608 (pengetahuan keselamatan). Perkara ini menjelaskan item soal selidik yang digunakan mempunyai keseragaman dalaman yang tinggi (Chua, 2006; Henseler *et. al.*, 2009). Keadaan ini memperlihatkan konstruk-konstruk yang digunakan telah mencapai piawaian kesahan dan kebolehpercayaan yang boleh diterimakai.

Jadual 3

*Nilai Pekali Cronbach Alpha (Ujian Kebolehpercayaan bagi Setiap Seksyen Soal Selidik)*

Instrumen	Nilai pekali cronbach alpha
Inisiatif keselamatan (17 item)	0.878
Komitmen keselamatan (21 item)	0.905
Amalan pengurusan keselamatan (35 item)	0.916
Pengetahuan keselamatan (6 item)	0.788

Jadual 4

*Analisis untuk Multikekolineran oleh Korelasi Pearson, Nilai Torelansi dan VIF (Variance Increase Factors)*

Bil	Pemboleh ubah	1	2	3	4	Tolerance	VIF
1	Inisiatif Keselamatan	.678	.413	.419	-		
2	Komitmen Keselamatan	-	.440	.497	.695	1.440	
3	Amalan Keselamatan		-	.451	.734	1.362	
4	Pengetahuan Keselamatan			-	.686	1.458	

Jadual 4 pula menunjukkan pemboleh ubah bebas (komitmen keselamatan, amalan pengurusan keselamatan dan pengetahuan keselamatan) berkorelasi dengan pemboleh ubah bersandar (inisiatif

keselamatan) di mana semua nilai melebihi 0.3. Nilai korelasi ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut menunjukkan hubungan yang signifikan dengan inisiatif keselamatan iaitu komitmen keselamatan (.678), amalan pengurusan keselamatan (.413), dan pengetahuan keselamatan (.419).

Nilai korelasi antara pemboleh ubah bebas juga menunjukkan nilai yang kurang daripada 0.7 di mana nilai korelasi antara komitmen keselamatan dengan amalan pengurusan keselamatan (.440), korelasi antara komitmen keselamatan dengan pengetahuan keselamatan (.497), dan korelasi antara amalan pengurusan keselamatan dengan pengetahuan keselamatan adalah .451. Sebagai tambahan kepada analisis korelasi Pearson, hasil torelasi dan VIF (*Variation Inflation Factor*) dianalisis untuk mengesahkan ketidak hadiran multikekolineran sebelum analisis regresi dilakukan. Kedua-dua parameter ini menunjukkan berapa banyak keupayaan pemboleh ubah spesifik yang tidak dijelaskan oleh pemboleh ubah bebas yang lain.

Dalam Jadual 4 juga, menunjukkan nilai toleran bagi setiap pemboleh ubah bebas adalah .695 (komitmen keselamatan), .734 (amalan pengurusan keselamatan) dan .686 (pengetahuan keselamatan). Nilai VIF pula adalah 1.440 (komitmen keselamatan), 1.362 (amalan pengurusan keselamatan) dan 1.458 (pengetahuan keselamatan). Menurut Pallant (2016), multikekolineran wujud, jika nilai korelasi Pearson antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar adalah 0.3 ke bawah dan nilai korelasi antara pemboleh ubah berada di atas 0.7. Begitu juga, nilai torelansi yang kurang daripada .10 atau nilai VIF lebih 10 menunjukkan keadaan multikekolineran. Dalam analisis ini, keputusan yang didapati tidak melebihi nilai yang disyorkan di mana menunjukkan multikekolineran tidak wujud. Oleh itu, semua pemboleh ubah dikekalkan untuk analisis regresi.

### **Keputusan Pengujian Hipotesis Kesan Langsung (Linear)**

Penilaian model struktural kesan langsung dilakukan di antara pemboleh-pemboleh ubah yang digunakan dalam model kajian (Hair et. al., 2017). Jadual 5 menunjukkan keputusan bagi penilaian model struktural secara langsung dengan melibatkan pengujian terhadap lima hipotesis yang telah dibentuk.

Hipotesis 1 (H1) meramalkan bahawa amalan pengurusan keselamatan mempunyai hubungan yang signifikan dengan inisiatif keselamatan. Nilai  $R^2$  menunjukkan bahawa 21.5% daripada perubahan inisiatif keselamatan adalah kesan daripada faktor amalan pengurusan keselamatan. Manakala, pengujian H1 adalah signifikan ( $\beta = 0.463$ ,  $t = 14.250$ ,  $p < 0.01$ ) dan diterima.

Jadual 5

*Keputusan Penilaian Model Struktural (Kesan Langsung)*

No.	Hipotesis	Original Sample ( $\beta$ )	$R^2$ Values	T Values	P Values	Dapatan
H1	Amalan Pengurusan Keselamatan → inisiatif Keselamatan	0.463	0.215	14.250	0.000	*Signifikan
H2	Komitmen Keselamatan → inisiatif Keselamatan	0.663	0.440	24.158	0.000	*Signifikan
H3	Pengetahuan Keselamatan → Inisiatif Keselamatan	0.446	0.199	13.593	0.000	*Signifikan
H4	Amalan Pengurusan Keselamatan → Komitmen Keselamatan	0.437	0.191	13.239	0.000	*Signifikan
H5	Pengetahuan Keselamatan → Komitmen Keselamatan	0.497	0.247	15.608	0.000	*Signifikan

Nota: \*Signifikan pada aras signifikan 0.05 (Two tailed) dengan nilai

$t > 1.96$  dan nilai  $p < 0.01$

Hipotesis 2 (H2) meramalkan bahawa komitmen keselamatan mempunyai hubungan signifikan dengan inisiatif keselamatan. Nilai  $R^2$  menunjukkan bahawa 44% daripada perubahan inisiatif keselamatan adalah kesan daripada faktor komitmen keselamatan. Manakala, pengujian H2 adalah signifikan ( $\beta = 0.663$ ,  $t = 24.158$ ,  $p > 0.01$ ) dan diterima.

Hipotesis 3 (H3) meramalkan bahawa pengetahuan keselamatan mempunyai hubungan signifikan dengan inisiatif keselamatan. Nilai R<sup>2</sup> menunjukkan bahawa 19.9% daripada perubahan inisiatif keselamatan adalah kesan daripada faktor pengetahuan keselamatan. Manakala, pengujian H3 adalah signifikan ( $\beta = 0.446$ ,  $t = 13.593$ ,  $p < 0.01$ ) dan diterima.

Hipotesis 4 (H4) meramalkan bahawa amalan pengurusan keselamatan mempunyai hubungan signifikan dengan komitmen keselamatan. Nilai R<sup>2</sup> menunjukkan bahawa 19.1% daripada perubahan komitmen keselamatan adalah kesan daripada faktor amalan pengurusan keselamatan. Hasil pengujian H4 adalah signifikan ( $\beta = 0.437$ ,  $t = 13.239$ ,  $p < 0.01$ ) dan diterima.

Seterusnya, hipotesis 5 (H5) meramalkan bahawa pengetahuan keselamatan mempunyai hubungan signifikan dengan komitmen keselamatan. Nilai R<sup>2</sup> menunjukkan bahawa 24.7% daripada perubahan komitmen keselamatan adalah kesan daripada faktor pengetahuan keselamatan. Hasil pengujian H5 adalah signifikan ( $\beta = 0.497$ ,  $t = 15.608$ ,  $p < 0.01$ ) dan diterima.

### **Keputusan Pengujian Peranan Komitmen Sebagai Pengantara**

Tujuan penilaian kesan pengantaraan adalah untuk melihat kemampuan pengantara (mediator) mempengaruhi pemboleh ubah bebas (predictor) dan pemboleh ubah bersandar (outcome). Dua hipotesis telah diuji iaitu seperti berikut:

- i. Hipotesis 6 (H6): terdapat pengaruh yang signifikan terhadap peranan komitmen keselamatan sebagai pengantara antara amalan pengurusan dengan inisiatif keselamatan.
- ii. Hipotesis 7 (H7): terdapat pengaruh yang signifikan terhadap peranan komitmen keselamatan sebagai pengantara antara pengetahuan keselamatan dengan inisiatif keselamatan.

Jadual 6 memperlihatkan dua hipotesis iaitu H6 dan H7. Keputusan H6 menunjukkan komitmen keselamatan sebagai pengantara antara amalan pengurusan keselamatan dengan inisiatif keselamatan adalah signifikan ( $\beta = 0.134$ ,  $t = 4.644$ ,  $p < 0.01$ ) dan diterima.

H7 pula menunjukkan komitmen keselamatan sebagai pengantara antara pengetahuan keselamatan dengan inisiatif keselamatan juga signifikan ( $\beta = 0.016$ ,  $t = 3.543$ ,  $p < 0.01$ ) dan diterima.

Jadual 6

*Keputusan Penilaian Kesan Pengantaraan (Hubungan Tidak Langsung)*

No.	Hipotesis	Original Sample ( $\beta$ )	$R^2$ Values	T Values	P Values	Dapatkan
H6	Amalan Pengurusan Keselamatan → Komitmen Keselamatan → Inisiatif Keselamatan	0.134	0.474	4.644	0.000	*Signifikan
H7	Pengetahuan Keselamatan → Komitmen Keselamatan → Inisiatif Keselamatan	0.016	0.468	3.543	0.000	*Signifikan

*Nota:* \*Signifikan pada aras signifikan 0.05 (Two tailed) dengan nilai  $t > 1.96$  dan nilai  $p < 0.01$

**Perbincangan Dapatkan Kajian**

Secara keseluruhannya, fokus kajian adalah kepada amalan pengurusan keselamatan, pengetahuan keselamatan, komitmen keselamatan dan inisiatif keselamatan di kalangan pesawah padi. Di samping itu, kajian ini juga membincangkan peranan komitmen keselamatan sebagai pengantara antara inisiatif keselamatan dengan amalan pengurusan keselamatan dan pengetahuan keselamatan.

Hasil dapatan mendapati semua hipotesis berupaya meramalkan hubungan yang positif dan signifikan dan selari dengan konsep TPB. Kajian ini juga telah mengembangkan idea berkaitan komitmen keselamatan yang dapat bertindak sebagai pemboleh ubah pengantara antara pemboleh-pemboleh ubah yang lain. Selain itu dapatan ini memperlihatkan bahawa kombinasi amalan pengurusan keselamatan (sikap) dan pengetahuan keselamatan (kawalan tingkah laku yang ditanggap) perlu diselaraskan dengan komitmen keselamatan (niat)

ke arah mencapai perubahan tingkah laku keselamatan (inisiatif keselamatan) yang disasarkan.

Ini bermakna, sekiranya seseorang pesawah mempunyai pengetahuan dan mengamalkan amalan pengurusan keselamatan yang baik tetapi tidak mempunyai niat untuk meletakkan keutamaan keselamatan dalam pekerjaan mereka nescaya matlamat untuk meningkatkan keselamatan tidak berjaya. Oleh itu, komitmen keselamatan adalah elemen penting yang perlu diterapkan di kalangan pesawah di samping amalan pengurusan keselamatan dan pengetahuan keselamatan bagi meningkatkan keselamatan di tempat kerja.

### Rujukan

- Abd Aziz, F. S. (2008). *Safety culture and commitment to safety in the Malaysian railway system*. Unpublished doctoral dissertation, University of Nottingham, UK.
- Abd Aziz, F. S., Jamal Ali, Norhafezah, Lukman & Zuraida (2014). *Kajian pendedahan bahan kimia pertanian di kalangan pesawah padi di semenanjung Malaysia*. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia.
- Ajzen, I., & Madden, T. J. (1986). Prediction of goal-directed behavior: Attitudes, intentions, and perceived behavioral control. *Journal of Experimental Social Psychology*, 22, 453-474.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179-211.
- Ajzen, I., & Fishbein, M. (2001). The Influence of Attitudes on Behavior. *The Handbook of Attitudes*, (January 2005), 173–221.
- Al-Rujoub, R., Al-Khatib, I., Al-Shami, N., & Sahalat, J. (2018). Occupational safety & health practices among farmers in Wadi Al-Far's are, Palastine. <https://doi.org/10.5281/zenodo.2582911>.
- Boerner, S., & Dutschke, E. (2008). The impact of charismatic leadership on followers' initiative-oriented behavior: A study in German hospitals. *Health Care Management Review*, 33(4), 332-340.
- Christian, M. S., Wallance, J. C., Bradley, J. C., & Burke, M. J. (2009). Workplace safety: A meta-analysis of the roles of person and situation factors. *Journal of Applied Psychology*, 94(5), 1103-1127.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan*. McGraw Hill, Kuala Lumpur, Malaysia.

- Cochran, W. (1977). *Sampling techniques*. New York: John Wiley.
- Dahl, O., & Kongsvik, T. (2018). Safety climate and mindful safety practices in the oil and gas industry. *Journal of Safety Research*, 64, 29-36.
- Guo, B. H. W., Yiu, T. W., & González, V. A. (2016). Predicting safety behavior in the construction industry: Development and test of an integrative model. *Safety Science*, 84, 1–11. <http://doi.org/10.1016/j.ssci.2015.11.020>
- Hair, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2017). *A primer on partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM)* (2nd ed.). Thousand Oaks, California: SAGE Publications.
- Henseler, J., Ringle, C. M., Sinkovics, R. R. (2009). *The use of partial least squares path modeling in international marketing*, *Advances in International Marketing* 20, 277-320.
- Hofmann, D., Morgeson, F. P., & Gerras, S. J. (2003). Climate as a moderator of the relationship between leader-member exchange and content specific citizenship: Safety climate as an exemplar. *Journal of Applied Psychology*, 88(1), 170-178.
- Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. (2014). Statistik kemalangan pekerjaan sehingga Disember 2014. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan website: Retrieved from: <http://www.dosh.gov.my/index.php/en/archive-statistic/2014/1225> occupational accidents-statistic-by-sector-2.
- Jabatan Pertanian. (2015). Booklet statistik tanaman (Sub-sektor tanaman makanan).
- Klingbeil, D., Kuri, V., & Todd, E. (2015). Investigating a link of two different types of food business management practices of food handlers in Beirut. *Elsevier Ltd in Food Control*, 55(9), 166-175.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities, 38, 607–610.
- Marchand, A., Simard, M., Carpentier Roy, M., C., & Ouellet, F. (1998). From a unidimensional to a bidimensional concept and measurement of workers safety behavior. *Scand J Work Environ Health*, 24(4), 293-299.
- Neal, A., Griffin, M., & Hart, P. (2000). The impact of organizational climate on safety climate and individual behavior. *Safety Science*, 34(1–3), 99–109. [http://doi.org/10.1016/S0925-7535\(00\)00008-4](http://doi.org/10.1016/S0925-7535(00)00008-4)
- Pallant, J. (2016). *SPSS survival manual* (6th ed). England, UK: Open University Press.
- Salleh, A. (2010). *Safety behavior in the Malaysia petrochemical industry*. Unpublished doctoral dissertation. University Utara Malaysia, Sintok.

- Vinodkumar, M. N., & Bhasi, M. (2010). Safety management practices and safety behaviour: Assessing the mediating role of safety knowledge and motivation. *Accident Analysis and Prevention*, 42(6), 2082–2093. <http://doi.org/10.1016/j.aap.2010.06.021>
- Wibowo, R. K. K., & Soni, P. (2016). Farmer's injuries, discomfort and it's use in the design of agricultural hand tools: A case study from East Java, Indonesia. *Agriculture and Agricultural Science Procedia*, 9, 323-327.
- Yassin, M. M., Mourad, T. A., Safi, J. M. (2015). Knowledge, attitude, practice, and toxicity symptoms associated with pesticide use among farm workers in the Gaza Strip. *Occup. Environ. Med*, 59, 387–393.
- White, K. M., Robinson, N. G., Young, R. M., Anderson, P. J., Hyde, M. K., Greenbank, S., & Baskerville, D. (2008). Testing an extended theory of planned behaviour to predict young people's sun safety in a high risk area. *British Journal of Health Psychology*, 13(Pt3), 435–448. <http://doi.org/10.1348/135910707X210004>
- Zainol Bidin & Kamil Md. Idris. (2009). Sikap, norma subjektif dan kawalan gelagat ditanggap terhadap niat gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. *International Journal of Management Studies*, 16(1), 31–55.